

**Teks Ucapan Sempena Majlis Perasmian Loji Rawatan Air Kompak
Chinchin, Daerah Jasin, Melaka**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 14/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN AIR KOMPAK
CHINCHIN, DAERAH JASIN, MELAKA**

**14 OKTOBER 2022 | JUMAAT | 11.00 PAGI
LOJI RAWATAN AIR KOMPAK CHINCHIN, JASIN, MELAKA**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

SALUTASI

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pagi ini pada **Majlis Perasmian Loji Rawatan Air Kompak Chinchin**, Daerah Jasin, Melaka.

2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) kerana berjaya menyiapkan projek pembinaan loji ini yang memberi manfaat kepada lebih 100,000 Keluarga Malaysia Melaka khususnya di daerah Jasin dan Merlimau.

3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada SAMB kerana mengundang saya ke majlis ini dan sekaligus merasmikan loji rawatan air yang amat penting ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Pembinaan loji ini menelan belanja sebanyak RM40 juta dan ia adalah satu inisiatif SAMB untuk membantu Kerajaan Negeri dan Keluarga Malaysia di Melaka yang sebelum ini berdepan dengan kemarau sehingga terpaksa mencatu bekalan air pada Januari sehingga Mac tahun 2020.

5. Loji ini beroperasi menggunakan bekalan air mentah dari Tasik Biru yang merupakan bekas lombong yang tidak lagi digunakan.

6. Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM350 juta melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka bertempat di Tasik Biru ini bagi menambah sumber bekalan air mentah di seluruh negeri ini.

7. Sebagai penyelesaian jangka panjang, Kerajaan Pusat turut meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), bagi kerja- kerja penyaluran air mentah dari TAPS Melaka ke Empangan Jus di daerah Jasin yang dijangka siap pada tahun 2028.

8. Pada masa yang sama, Kerajaan Pusat sedang melaksanakan projek pembinaan TAPS Jernih di daerah Alor Gajah dengan peruntukan sebanyak RM234.7 juta dan dijangka siap pada tahun 2026.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

9. Projek pembinaan TAPS di Melaka ini bagi menyelesaikan isu sumber air mentah yang terhad dengan meneroka sumber air mentah baharu yang terdapat di negeri ini.

10. Langkah ini bertujuan mengurangkan kebergantungan Melaka terhadap bekalan air mentah dari negeri-negeri lain seperti Johor dan Negeri Sembilan.

11. Selain pembinaan TAPS, peruntukan sebanyak RM600 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bagi projek pembinaan Kolam Dwi-Fungsi di Krubong, Melaka.

12. Ini merupakan projek menaik taraf Kolam Tebatan Banjir sedia ada kepada kolam dwi-fungsi bagi menyelesaikan masalah banjir yang sering berlaku di kawasan hilir Sungai Melaka selain berfungsi sebagai kolam simpanan bekalan air mentah sebelum disalurkan ke Empangan Durian Tunggal.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

13. Kerajaan Pusat sentiasa menyokong usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam menjalankan projek dan kajian bagi meningkatkan sumber air mentah negeri.

14. Ini termasuklah kajian kebolehlaksanaan projek Penyaluran Air Sungai Muar Fasa 3 bagi menampung keperluan Keluarga Malaysia Melaka yang kian meningkat.

15. Pelaksanaan projek ini amat penting sejajar dengan perkembangan Melaka sebagai destinasi pelancongan utama negara yang menjamin penjanaan pendapatan dan perkembangan ekonomi secara berterusan.

16. Saya difahamkan Kerajaan Melaka melalui SAMB telah meluluskan satu kajian berkaitan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (Renewable Energy).

17. Ia akan mengkaji kebolehlaksanaan pemasangan panel solar terapung atas permukaan air (Floating Solar) dengan kapasiti 150 Megawatt di Empangan Durian Tunggal bagi menjana bekalan elektrik kepada operasi SAMB.

18. Kerajaan Pusat turut menyokong usaha SAMB untuk meneruskan pelaksanaan panel solar terapung di Loji Rawatan Air Jus Fasa 2 di Empangan Jus, Daerah Jasin jika usaha di Empangan Durian Tunggal tersebut berjaya dilaksanakan.

19. Pelaksanaan projek penggunaan tenaga solar juga selari dengan hala tuju kerajaan persekutuan ke arah mencapai Negara Sifar Karbon (Nett Zero Carbon) menjelang tahun 2050.

20. Selain itu, inisiatif bagi projek Renewable Energy yang dirangka oleh SAMB juga dilihat dapat memacu perkembangan teknologi yang baik bagi negeri Melaka ini.

21. Selain memastikan kecukupan bekalan air terawat untuk Keluarga Malaysia Melaka, projek ini mampu meningkatkan nama Melaka sebagai negeri yang maju selain mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

22. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka dan SAMB dalam memastikan ketersediaan bekalan air bersih yang terjamin buat penduduk di negeri ini.

23. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan **Loji Rawatan Air Kompak Chinchin, Daerah Jasin, Melaka.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-majlis-perasmian-loji-rawatan-air-kompak-chinchin-daerah-jasin-melaka/>